



Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.44 (100)
Tarikh : 22 Mei 2015

SIARAN MEDIA

Program Transformasi Sosial (PTS) Rumah Pangsa Larkin

Johor Bahru, 22 Mei 2015 - Y.B. Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Majlis Pelancaran Program Transformasi Sosial Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy – NBOS*) Kejiranan Indah di Rumah Pangsa Larkin, Johor pada hari ini.

2. Rumah Pangsa telah dibaik pulih di bawah inisiatif NBOS dengan kos sebanyak RM2,666,597.70 telah bertukar wajah menjadi kawasan perumahan yang ceria daripada suram dan bermasalah.

3. Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS): Kejiranan Indah atau National Blue Ocean Strategy: *My Beautiful Neighbourhood* (MyBN) adalah program di bawah KPKT bersama Kementerian Dalam Negeri bagi menangani masalah yang dihadapi oleh penduduk perumahan awam terutamanya kemudahan infrastruktur dan persekitaran yang tidak terurus, suram dan kotor.

4. Kemudahan yang dibaik pulih ini haruslah dijaga dan penghuninya juga haruslah mempunyai *sense of belonging*. Kini, rumah pangsa ini telah bertukar wajah dan menjadi sebuah kejiranan indah yang ceria dan lengkap dengan koridor bangunan yang telah dicat semula, penyediaan tempat letak motosikal berkunci, menaik taraf jalan dan perparitan, taman permainan baru serta persekitaran landskap baru yang indah.

5. Program Transformasi Sosial (PTS) diharap dapat menyuntik *sense of belonging* ini menerusi empat (4) objektif berikut :

- i. Mewujudkan kejiranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat terhadap program dan aktiviti yang dijalankan;
- ii. Mewujudkan nilai kebertanggungjawaban terhadap kawasan setempat meliputi aspek keselamatan, kebersihan dan keselamatan;
- iii. Memastikan kesejahteraan sosial dipupuk dalam nilai masyarakat setempat sebagai usaha meningkatkan kejiranan yang sejahtera, baik daripada segi fizikal, mental dan sosial; dan
- iv. Menggalakkan penyertaan penduduk dalam perancangan dan pelaksanaan program/ aktiviti kesukarelawan.

6. PTS ini direalisasikan oleh KPKT dengan mengenal pasti lima (5) program utama yang boleh dilaksanakan di semua lokasi NBOS Kejiranan Indah dengan kolaborasi antara Jabatan di bawah KPKT dan Agensi lain antaranya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Solid Waste and Public Cleansing Management Corporation (SWCorp), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 1M4U.

7. Program – program utama PTS ini adalah :

i. **Program Bandar Selamat** telah dilaksanakan untuk mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan kolaborasi antara PDRM, RELA, JPAM dan Rukun Tetangga. Selain daripada itu, Program AMANITA yang terdiri daripada anggota polis wanita sebagai ahli akan diperkenalkan untuk menarik suri rumah sebagai **Rakan Amanita** untuk menjadi ‘mata dan telinga’ kepada pihak polis bagi menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku.

ii. **Program Bomba Komuniti** untuk memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada JBPM.

iii. **Program Rakan Taman** juga telah diwujudkan untuk memupuk semangat kesukarelawanan dan dijadikan amalan bagi memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf. Melalui Rakan Taman, penduduk boleh bergotong-royong memperbaiki kerosakan kecil dan bersama-sama berkongsi idea bagi memperindah landskap sedia ada bagi meningkatkan keceriaan kawasan sekitar. Selain daripada itu, aktiviti bumi hijau dengan menanam pokok bunga, pokok herba, sayur-sayuran yang sesuai juga boleh dijalankan.

iv. Program seterusnya adalah pewujudan **Komuniti Kitar Semula** (*reduce, reuse dan recycle*) untuk meningkatkan kadar kitar semula dengan sasaran 22% menjelang 2020. Bagi tujuan tersebut, pihak *Solid Waste and Public Cleansing Management Corporation* (SWCorp) dengan kerjasama syarikat konsesi SWM Environment Sdn. Bhd. akan membuat kutipan barangan kitar semula di Rumah Pangsa Larkin, Johor, secara berjadual.

v. **Program Kesihatan Persekitaran**, Jabatan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah akan memperkenalkan dan melaksanakan program ***Communication for Behavioural Impact (COMBI)*** atau komunikasi untuk perubahan tingkah laku. Program *COMBI* adalah bertujuan untuk melibatkan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti pencegahan penyakit berjangkit

khususnya demam denggi. Penyakit demam denggi merupakan salah satu penyakit yang sinonim dengan penduduk bandar.

Majlis pada pagi ini diserikan dengan kehadiran Y.B. Datuk Hj. Abdul Latif bin Hj. Bandi : Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Dato' Seri Arpah bin Abdul Razak :Ketua Setiausaha KPKT, Dato' Halimi bin Abdul Manaf : Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) KPKT, Y.b. Dato' Haji Ismail bin Karim: Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Y.b. Dato' Hj. Abd Rahman bin Mohamed Dewam: Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, pegawai kanan KPKT dan Kerajaan Negeri Johor.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my